



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PEMBERIAN BANTUAN RM300 KEPADA 274,639 PEKEBUN KECIL GETAH RISDA BAGI AKHIR TAHUN 2018 DAN AWAL 2019

1. Atas cadangan Kementerian Kewangan, Jemaah Menteri pada 12 Disember 2018 telah bersetuju supaya peruntukan sebanyak RM164,783,400 bagi pemberian bantuan kepada 274,639 pekebun kecil getah RISDA yang berhadapan dengan beban sara hidup berikutan daripada pendapatan mereka terjejas semasa musim tengkujuh.
2. Kesukaran para pekebun kecil getah RISDA telah mendapat perhatian dan keprihatinan YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang meluluskan Bantuan Musim Tengkujuh ini. Justeru itu, Kementerian Kewangan menyediakan peruntukan khas sebanyak RM164,783,400 melibatkan RM600 yang akan dibayar dalam 2 peringkat, iaitu pada akhir tahun ini berjumlah RM300 dan baki RM300 untuk awal tahun depan. Ini akan memanfaatkan seramai 274,639 pekebun kecil getah yang berdaftar dengan RISDA di seluruh negara mengikut pecahan negeri:

PECAHAN BILANGAN PEKEBUN KECIL DAN PENOREH MENGIKUT NEGERI

NEGERI	PEMILIK PENGUSAHA	PENOREH	JUMLAH PENERIMA
	BILANGAN PEKEBUN KECIL		
JOHOR	12,515	1,533	14,048
KEDAH	41,654	3,643	45,297
KELANTAN	43,051	6,277	49,328
MELAKA	7,095	203	7,298
NEGERI SEMBILAN	19,722	592	20,314
PAHANG	27,248	1,404	28,652
PERAK	21,161	3,308	24,469
PERLIS	2,158	93	2,251
PULAU PINANG	489	20	509
SELANGOR	3,621	182	3,803
TERENGGANU	13,326	1,241	14,567
SABAH	5,909	146	6,055
SARAWAK	58,048	0	58,048
JUMLAH	255,997	18,642	274,639

3. Bantuan ini melibatkan penerima seramai 255,997 pekebun kecil getah yang merupakan pemilik yang mengusahakan sendiri kebun mereka (pemilik pengusaha) dan 18,642 penoreh bukan pemilik yang mengusahakan tanah berkeluasan tidak melebihi 2.5 hektar.

4. Kementerian Kewangan akan menyalurkan peruntukan tahun 2018 berjumlah RM164,783,400 kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi selaku kementerian yang mengawal selia RISDA.

5. Semoga pemberian bantuan ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pekebun kecil getah RISDA yang terjejas punca pendapatan mereka.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

21 Disember 2018